

# SIMPOSIUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM DI MALAYSIA

Tarikh : 23 – 24 Disember 2009 / 6-7 Muharram 1431  
Tempat : Dewan Annex, SUK  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

## **KERANGKA ASAS DALAM PEMBINAAN HUKUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM MASA KINI**

OLEH:  
DR. LUQMAN BIN HJ ABDULLAH  
JABATAN FIQH DAN USUL,  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI MALAYA



Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor  
Dengan Kerjasama  
Jabatan Agama Islam Selangor dan  
Majlis Agama Islam Selangor





# KERANGKA ASAS DALAM PEMBINAAN HUKUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM MASA KINI <sup>1</sup>

*Oleh:  
Dr Luqman bin Hj. Abdullah  
Jabatan Fiqh dan Usul  
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya*

## **Pendahuluan**

Kertas yang ditulis ini bukanlah satu perbincangan menyeluruh kepada topik yang diutarakan atau cadangan yang konkrit tetapi hanyalah sebagai asas perbincangan untuk mendapat pandangan dari ilmuan yang berminat. Dalam membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan hubungan antara orang Islam dan bukan Islam dalam negara ini terdapat banyak isu yang menyentuh sensitiviti beragama umat Islam dan perasaan *inferior* bukan Islam. Dalam dunia moden yang mana interaksi antara umat Islam dan bukan Islam semakin tidak bersempadan ia memerlukan kepada sikap berprinsip yang lebih jitu dari umat Islam di samping meraikan suasana baru yang dihadapi dengan penuh bijaksana. Segala legasi fiqh mesti diwacanakan selamatnya dan penerimaan hal-hal khilafiyah dalam isu ini dengan dada terbuka amatlah wajar sekali.

Untuk membina hukum fiqh masyarakat bukan Islam masa kini bukanlah bererti meminda segala prinsip yang ada tetapi bermaksud untuk melihat kepada suasana yang ada dan diaplikasikan kerangka fiqh yang telah dibina oleh para fuqaha muktabar dalam bentuk yang sesuai dengan illah yang telah berubah. Dalam perbincangan ini beberapa

---

<sup>1</sup> Kertas ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor dengan Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor, pada 23-24 Disember 2009 bersamaan 6-7 Muharram 1431 bertempat di Dewan Annex, SUK Selangor

<sup>2</sup> Dr Luqman Haji Abdullah, pensyarah kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau boleh dihubungi melalui email : luqmanabdullah@um.edu.my



aspek seperti konsep Dar al Islam, dan konsep Ahl al Zimmah, hak dan tanggungjawab mereka adalah kerangka asas yang mesti dibincangkan.

### **Konsep Dar al Islam**

Dalam penulisan fuqaha perbincangan mengenai masyarakat Islam dalam Negara Islam dimulakan dengan konsep Dar al Islam. Di sini penulis membawa konsep Dar al Islam sebagaimana yang dihurai oleh Said Ramadhan al Buti dalam bukunya *al Jihad Fi al Islam*. Berdasarkan takrif Dar al Islam oleh para fuqaha al Buti menyimpulkan Dar al Islam ialah sebuah negara yang mana orang-orang Islam memiliki ketuanan ke atasnya yang mana setiap orang Islam boleh menzahirkan padanya hukum-hukum Islam dan syiarnya. Ketuanan yang ada itulah yang menjadikan sesebuah negara itu Dar al Islam. Menurut al Buti lagi rentetan dari itu maka menjadi kewajipan ke atas umat Islam untuk mempertahankan negara tersebut dan melaksanakan segala hukum syariah di dalamnya. Negara tersebut juga tidak akan bertukar statusnya itu sekalipun ia mengalami kelemahan atau pencerobohan. Beliau memberi contoh negara Palestin sekarang yang walaupun dikuasai oleh Yahudi tetapi ia tetap kekal sebagai Dar al Islam dari segi hukumnya dan wajib ke atas umat Islam mengembalikan ketuanannya (al Buti, *al Jihad Fi al Islam*, h. 80-81).

Dalam hal ini terdapat fuqaha dalam mazhab Hanafi yang berpendapat Dar al Islam akan bertukar statusnya kepada Dar al al Kufr atau Dar al Harb dengan tiga cara; (1) terlaksananya perundangan bukan Islam di dalam Negara tersebut (2) bernauang dibawah dal al harb dan (3) orang Islam dan *zimmi* dalam negara tersebut tidak lagi berada dalam keadaan aman.

Al Buti seterusnya menyatakan apa yang dapat diperhatikan dalam perbincangan fuqaha ini pelaksanaan syariat Islam bukanlah syarat untuk menjadikan sesebuah negara berstatus Dar al Islam tetapi sebaliknya ia adalah menjadi tanggungjawab ke atas umat Islam untuk melaksanakan syariat tersebut dan kegagalan pelaksanaan ini dihukum berdosa(al Buti, *al Jihad Fi al Islam*, h. 81).



### **Konsep *ahlu al Zimmah***

*Ahlu al Zimmah* atau *zimmi* ialah orang bukan Islam yang membuat perjanjian keamanan dengan pemerintah Islam yang merangkumi keamanan ke atas diri dan harta sebagai tukaran kepada bayaran *jizyah* dan kepatuhan kepada undang-undang Islam.

Para fuqaha telah membincangkan beberapa mekanisme yang membolehkan seseorang bukan Islam mendapat hak sebagai *zimmi*. Antaranya ialah (dipetik dari al *Mausu'ah Fiqhiyyah*);

- (1) Mengadakan kontrak perjanjian

Iaitu dengan cara pengakuan dari bukan Islam atas ketidakislamannya dengan syarat pembayaran *jizyah* dan kepatuhan kepada hukum Islam yang bersifat duniawiyyah. Tujuan perjanjian ini diadakan adalah untuk mengelak berlaku peperangan serta dengan harapan mereka akan masuk Islam apabila berlaku interaksi dengan masyarakat Islam.

Terdapat perselisihan pandangan fuqaha mengenai kategori bukan Islam yang boleh dibuat perjanjian *zimmah* ini. Jumhur fuqaha sepakat mengatakan perjanjian ini hanya boleh dibuat dengan ahli kitab dan majusi sahaja dan tidak boleh dengan orang murtad. Mereka berselisih pendapat mengenai kategori bukan Islam yang lain. Mazhab Hanafi berpendapat harus mengadakan perjanjian *zimmah* dengan semua kategori bukan Islam selain dari penyembah berhala dari kalangan orang Arab. Pendapat yang masyhur dari Mazhab Maliki mengatakan keharusan perjanjian ini adalah meliputi semua kategori bukan Islam. Ini juga adalah pandangan al Syaukani, al Awza'i dan Malik. Ramai fuqaha semasa yang mentarjihkan pandangan yang ketiga ini. Antaranya ialah Abdul Karim Zaidan (Abdul karim Zaidan, *Ahkam al Zimmiyyin wa al Musta'minin*, h. 28).



(2) Menetap dalam *Dar al Islam*

Status zimmi juga boleh diperolehi melalui menetap untuk tempoh tertentu dalam Dar al Islam. Pada ketika ini mereka berstatus *al musta'min* iaitu diberi aman untuk sementara waktu. Apabila telah mereka masih menetap selepas tempoh tersebut mereka dikenakan jizyah dan dianggap sebagai *zimmi*. Keberadaan mereka dalam tempoh yang lama dianggap sebagai kesediaan mereka untuk menetap secara kekal dan penerimaan mereka kepada syarat –syarat sebagai *zimmi*.

(3) Perkahwinan

Dalam kitab-kitab mazhab Hanafi ada membincangkan wanita bukan Islam yang berkahwin dengan orang islam atau zimmi secara terus dianggap mendapat status *zimmi* kerana status isteri mengikut status suaminya. Status juga diberikan kepada anak-anak kerana mengikut ibu bapa mereka.

(4) Pembelian Tanah Kharajiah

Mazhab Hanafi ada membincangkan jika orang kafir membeli tanah yang dikenakan cukai kharaj dalam Dar al Islam dan mereka mengerjakan tanah tersebut untuk pertanian serta membuat pembayaran cukai tersebut maka dia boleh mendapat status zimmi.

(5) Anak yang dijumpai (*laqit*)

Dalam mazhab Hanafi kanak-kanak yang dijumpai di kawasan *zimmi* adalah dianggap zimmi sekalipun dijumpai oleh orang Islam. Walaubagaimanapun mengikut mazhab Shafi'i dan Hanbali anak tersebut adalah dianggap muslim kerana ia berada dalam Dar al Islam sekalipun terdapat zimmi dalam dar tersebut.



(6) Pembukaan Negara baru

Negara yang baru jatuh ke tangan orang Islam dan Negara tersebut dibiarkan diperintah oleh penduduk tempatan yang kafir dengan dikenakan jizyah. Mereka ini juga mendapat status zimmi sebagaimana yang dilakukan oleh Umar al Khattab dalam pembukaan *Sawad al Iraq*.

Demikianlah beberapa mekanisme untuk membolehkan seseorang kafir untuk diberi status zimmi dalam sebuah Dar al Islam sebagaimana yang dihurai oleh para fuqaha. Dalam perbincangan dunia sekarang mekanisme ini boleh dijadikan asas dalam penentuan status kewarganegaraan kepada seseorang bukan Islam dalam sesebuah Negara Islam. Ia adalah perkara ijtihadi yang boleh berubah dari semada ke semasa mengikut keadaan dan penentuan polisi semasa pemerintah.

Dari segi istilah zimmi itu sendiri sebagai contoh ada penulisan-penulisan baru yang mencadangkan penggunaan zimmi itu tidak lagi digunakan sebaliknya diguna istilah *muwatinun* sebagaimana orang Islam. Abdul Karim Zaidan berpendapat orang bukan Islam yang mendapat status zimmi melalui kontrak perjanjian secara dasarnya diberikan *jinsiyyah islamiyyah* (Abdul Karim Zaidan, hlm. 65-66). Wahbah al zuhaili juga menyebut bahawa Muslim dan *zimmi* sebagai satu bangsa yang dikenali sebagai *Jinsiyyah Islamiyyah* yang diikat oleh Daulah Islamiyyah. Walaubagaimanapun zimmi tidak dianggap termasuk dalam *al Ummah al Islamiyyah* (Wahbah al Zuhaili, *Athar al Harb*, h. 177).

**Hak dan tanggungjawab *zimmi* dalam sebuah *Dar al Islam***

Orang bukan Islam yang mendapat status zimmi layak untuk mendapat hak-hak tertentu sebagaimana mereka juga mempunyai kewajipan untuk dilaksanakan sebagai seorang rakyat kepada *Dar al Islam*.



## **Hak-hak zimmi**

Para fuqaha telah membincangkan hak-hak *zimmi* yang layak diperolehi oleh mereka setelah mereka patuh kepada peraturan Negara. Secara asasnya mereka boleh menikmati segala keperluan asasi kehidupan dan keagamaan mereka. Kaedah yang masyhur diungkapkan oleh para fuqaha ialah **لهم ما لنا وعليهم ما علينا** yang bermaksud: “Hak-hak mereka adalah sama seperti hak-hak kita dan kewajiban mereka seperti kewajiban kita”. Kaedah ini adalah kaedah umum yang mana ada beberapa perincian yang dibincangkan oleh para fuqaha. Ia menggambarkan satu kebebasan yang dinikmati oleh zimmi dalam sebuah Dar al Islam dan mereka tidak boleh dianiaya dan dizalimi sama sekali.

Antara hak-hak mereka ialah:

- (1) Hak kehidupan secara aman dan bernaung di bawah kedaulatan Negara. Mereka boleh menetap dengan aman dan darah, harta dan maruah mereka dilindungi oleh Negara. Sebarang pencerobohan ke atas mereka samada dari orang Islam, *zimmi* atau *harbi* akan mendapat perlindungan dari pemerintah Islam.
- (2) Hak untuk menetap dan berpindah dalam Negara. Mereka boleh menetap di mana-mana tempat dan berpindah di mana tempat dalam Negara samada untuk urusan perniagaan dan sebagainya tanpa sebarang gangguan. Walaubagaimanapun para fuqaha sepakat mengecualikan hak ini kepada mereka dalam tanah Hijaz berasaskan hadith Rasulullah **لا يجتمع في أرض العرب دينان** yang bermaksud: “Tidak berhimpun dua agama di tanah Arab”.
- (3) Hak untuk melaksanakan ibadah keagamaan mereka. Mereka diberikan hak untuk melaksanakan upacara agama mereka tanpa meninggikan syiar mereka. Oleh kerana Islam bukan satu agama yang memaksa pihak lain untuk memeluk Islam, maka Islam juga memberi ruang dan hak untuk orang bukan Islam melaksanakan keperluan asas mereka dalam beragama. Begitu juga mereka dibenarkan membina rumah ibadah mereka. Dalam hal ini jumhur fuqaha mengatakan mereka dibenarkan membina rumah ibadat



mereka dalam kawasan mereka. Dalam hal ini Yusuf al Qardawi mengatakan apa yang perlu difahami oleh bukan Islam ialah perasan orang Islam dan kesucian agama mereka perlu dipelihara. Penonjolan pelbagai syiar agama mereka dan pembinaan rumah ibadat mereka di kawasan orang Islam dianggap mencabar perasaan orang Islam yang boleh membawa fitnah dan keadaan tidak tenteram (al Qaradawi, *Ghayr al Muslimin Fi al Mujtama' al Islami*, h. , 20.).

(4) Hak untuk melaksanakan urusan muamalat. Dalam hal ini mereka boleh berurusan jual beli, sewa menyewa dan gadai menggadai seperti orang Islam tanpa dibezakan. Mereka dibenarkan dalam ruang lingkup muamalat Islam yang tidak melibatkan riba. Pengecualian hanya dalam isu penjualan arak dan babi yang mana *zimmi* dibenarkan sesama mereka dengan syarat tidak menzahirkannya secara terang sekiranya dalam kawasan orang Islam. Mengikut Abdul Karim Zaidan ini adalah di atas asas supaya tidak memandang rendah kepada umat Islam yang mana jika dibenarkan secara terang ia dianggap merendahkan orang Islam (Abdul Karim Zaidan, hlm. 209).

### **Tanggungjawab *zimmi***

Oleh kerana *zimmi* diterima sebagai rakyat Dar al Islam maka mereka juga mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Pengabaian tanggungjawab ini membolehkan kontrak *zimmah* yang dilakukan terbatal. Anatar tanggungjawab mereka ialah:

- (1) Melaksanakan pembayaran cukai *jizyah*, *kharaj* dan *usyur*.
- (2) Tidak membuat penghinaan terhadap Islam. Ini termasuklah menghina al Quran, Rasul dan agama. Penzahiran dalam penghinaan ini dianggap memandang rendah kepada umat Islam dan mempermainkan aqidah orang Islam. Para fuqaha juga membincangkan supaya dibezakan orang Islam dengan *zimmi* dari sudut pakaian, kenderaan dan tempat tinggal demi untuk menjaga orang Islam dari merasa tertipu dan terpengaruh dengan mereka.





(3) Kepatuhan kepada undang-undang Negara. Pesalah dan penjenayah dari kalangan zimmi dikenakan hukuman sebagaimana orang Islam. Walaubagaimanapun terdapat perincian dan perbezaan pendapat dalam hal ini. Dalam jenayah hudud meminum arak zimmi tidak dikenakan hukuman kecuali jika dilakukan secara terang mereka dikenakan ta'zir. Dalam jenayah hudud yang lain terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha samada dikenakan hudud atau tidak. Contohnya dalam mazhab Shafi'i dan Hanbali dikenakan pelaksanaan rejam ke atas zimmi yang berzina, manakala mengikut Abu Hanifah dan mazhab Malik pezina zimmi yang telah berkahwin tidak dikenakan hukuman rejam. Dalam kes qazaf fuqaha sepakat mengatakan hanya dikenakan ta'zir bagi zimmi yang melakukan qazaf ke atas zimmi yang lain. Dalam kes mencuri fuqaha juga sepakat pencuri zimmi dikenakan hukuman hudud. Dalam kes jenayah qisas jumhur fuqaha berpendapat dikenakan qisas kepada zimmi kecuali Abu Hanifah yang tidak bersetuju pandangan ini.

(4) Kepatuhan kepada sistem kehakiman 'am. *Zimmi* tidak boleh memegang jawatan yang bersifat *al Qadha' al 'ammah*. Bagi jumhur fuqaha dalam kes-kes yang melibatkan zimmi pun mereka tertakluk kepada kehakiman Islam yang termasuk di bawah *al Qadha' al 'ammah*. Cuma mazhab Hanafi mengharuskan perlantikan *zimmi* dalam kes-kes yang melibatkan *zimmi* (Abdul Hakim Muhammad Uthman, *Ahkam al Ta'amul Ma'a Ghayr al Muslimin*, h. 461-462).

### **Pembinaan fiqh masyarakat Islam masa kini**

Perbincangan ringkas di atas adalah dalam kerangka fiqh yang telah dibina oleh para fuqaha. Sebahagiannya bersifat prinsip dan usul dan sebahagiannya bersifat ijtihadi. Selain dari kerangka di atas terdapat juga isu-isu lain yang dibahaskan oleh para fuqaha dalam bab-bab yang berkaitan dengannya dalam fiqh yang penulis tidak sentuh di sini. Ibn Qayyim (meninggal 751H) sebagai contoh dalam kitabnya *Ahkam ahl al Zimmah* membincangkan banyak isu-isu yang berkait dengan zimmi dan hubungan antara orang Islam dan bukan Islam. Sebenarnya dalam perbincangan fiqh boleh dikatakan dalam



setiap bab dalam muamalat dan jenayah ada pebincangan yang berkait dengan hubungan antara orang Islam dan bukan Islam. Keluasan ini adalah bukti syariah Islam telah mengambil kira kedudukan orang-orang bukan Islam dalam masyarakat Islam. Dalam kebanyakan kes ia adalah bersifat ijtihadi yang mana dalam hal-hal begini adalah terserah kepada para ilmuwan semasa untuk menilai dan membuat penetapan hukum berdasarkan keadaan dan lokaliti masing-masing.

Dari segi pelaksanaannya penulis melihat ada dua aspek yang perlu dilihat secara berasingan. Yang pertama, dalam hal-hal yang melibatkan polisi pemerintah dan sensitiviti umat Islam yang tinggi perlu ada satu ketetapan yang jelas dari pihak pemerintah Islam samada dalam bentuk fatwa yang diwartakan atau perundangan. Termasuk dalam kategori ini ialah isu-isu seperti pembinaan rumah ibadat bukan Islam, agihan zakat kepada bukan Islam, perlantikan jawatan-jawatan tertentu dalam kerajaan dan sebagainya. Perkara utama yang perlu diraikan ialah sensitiviti umat Islam dan juga meletakkan Islam dalam suasana yang tinggi. Adalah satu tindakan yang tidak sesuai jika sekiranya dalam keriahan untuk meraikan kedudukan politik semasa kita bersikap melukakan hati umat Islam dengan menimbulkan perkara-perkara yang sensitif.

Yang kedua, dalam isu-isu kecil yang tidak melibatkan polisi negara dan yang bersifat ijtihadi, hal ini perlu ditinggalkan sebagai ianya adalah masalah khilafiyah. Tidak perlu ada campur tangan negara untuk membuat ketetapan dan polisi tertentu kerana tabiat perkara khilafiyah adalah agak sukar untuk diselesaikan. Termasuk dalam kategori ini ialah isu-isu seperti menjawab salam orang bukan Islam, ucapan hari raya kepada mereka, menghadiri pengkebumian dan sebagainya. Isu-isu ini tidak memberi kesan besar kepada sensitiviti umat Islam. Terserah kepada pandangan masing-masing untuk menerimapakai pandangan mana yang dirasakan lebih rajih bagi mereka.



## **Penutup**

Pembentangan ringkas ini diharap dapat menjadi asas perbincangan secara harmoni untuk kita sama-sama menangani isu-isu yang berkait dengan masyarakat bukan Islam di negara kita. Perbezaan pandangan adalah tidak boleh dielak, yang penting cara menangani perbezaan ini mestilah dalam kerangka menjaga keharmonian masyarakat berbilang agama yang ada dalam negara ini. Perbincangan mengenai masyarakat bukan Islam dalam negara kita juga hendaklah di atas asas ketuanan Islam dalam negara ini. Jika asas ini ditolak maka tidak timbul perbincangan masyarakat bukan Islam dalam negara Islam.

## **Rujukan**

Abdul Karim Zaidan (1982), *Ahkam al Zimmiyyin wa al Musta'minin*, Beirut: Muassasah al Risalah.

Abdul Hakim Muhammad Uthman (2008), *Ahkam al Ta'amul Ma'a Ghayr al Muslimin*, Iskandariyyah: al Ilm wa al Iman li al Nasyr.

Al Buti, Said Ramadhan (1993), *al Jihad Fi al Islam*, Beirut: Dar al fikr al Mu'asir.

Ibn al Qayyim (2002), *Ahkam ahl al Zimmah*, Beirut: dar al Kutub al 'Ilmiyyah.

Wahbah al Zuhaili (t.t.), *Athar al Harb Fi al fiqh al Islami*, Beirut: dar al Fikr.

Wizarat al Awqaf wa al Syuun al Islamiyyah (1993), *al Mausuh al Fiqhiyyah*, jld 7, Kuwait.